Terpakai bagi Kontrak Insurans Komersial (Insurans sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda)

Polisi ini dikeluarkan dengan balasan terhadap pembayaran **premium** sebagaimana ditentukan dalam **jadual** dan selaras dengan jawapan yang diberikan dalam Borang Cadangan **anda** (atau apabila **anda** memohon insurans ini) dan sebarang pendedahan lain yang diberi oleh **anda** semasa penyerahan Borang Cadangan **anda** (atau apabila **anda** memohon insurans ini) dan semasa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pendedahan lain yang diberikan oleh **anda** hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak insurans ini antara **anda** dan pihak **kami**. Sekiranya berlaku sebarang salah nyata semasa pra-kontrak dibuat berhubung dengan jawapan **anda** atau mana-mana pendedahan yang diberikan oleh **anda**, ini boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **anda**.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **anda** dan pihak **kami**.

Kewajipan Anda Untuk Memberitahu Kami

Kewajipan Pendedahan – Maklumat dan Perubahan Yang Perlu Kami Ketahui

Terpakai bagi Kontrak Insurans Pengguna (Insurans sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda)

Apabila **anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **anda**, **anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa **anda** memohon insurans ini) iaitu **anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **anda** selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **anda** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma yang akan dikenakan. **Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **anda** memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Terpakai bagi Kontrak Insurans Komersial (Insurans sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda)

Apabila **anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **anda**, **anda** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **anda** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma yang akan dikenakan dan apa-apa perkara yang musnasabah yang boleh dijangka sebagai relevan, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **anda**.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **anda** memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Bagaimana Insurans Anda Beroperasi

Insurans tidak melindungi **anda** daripada segala-gala yang boleh berlaku.

Tajuk tidak membentuk sebahagian daripada susun kata **polisi**.

Sebagai pertimbangan bahawa **anda** membayar **premium** kepada **kami** seperti yang dinyatakan dalam **jadual polisi**, kami bersetuju untuk mengganti rugi **anda** dengan cara dan setakat yang dinyatakan dalam **polisi** dan **jadual**, berkenaan dengan peristiwa yang berlaku dalam tempoh insurans, atau tempoh berikutnya yang **anda** bayar dan **kami** menerima **premium** yang diperlukan. Jawapan yang diberikan dalam

Borang Cadangan anda (atau semasa **anda** memohon insurans ini) dan sebarang pendedahan lain yang dibuat oleh **anda** antara waktu penyerahan Borang Cadangan **anda** (atau semasa anda memohon insurans ini) dan masa kontrak ini dimeterai akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans ini antara **anda** dan **kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat salah nyata pra-kontrak yang dibuat berkaitan dengan jawapan **anda** atau dalam sebarang pendedahan yang diberikan oleh **anda**, hanya kaedah pemulihan dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang akan digunakan.

Polisi ini menggambarkan terma dan syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **anda** dan **kami**.

Polisi ini menetapkan perlindungan insurans yang **anda** terima seperti yang ditunjukkan dalam **jadual/sijil insurans** dan keadaan di mana **anda** dilindungi dan tidak dilindungi.

Tafsiran Perkataan

Perkataan-perkataan tertentu telah ditafsirkan di bawah. Perkataan-perkataan ini mempunyai maksud yang sama di mana ia digunakan dalam **polisi** atau **jadual/sijil insurans** dan ditonjolkan dalam **polisi** dengan huruf tebal, contohnya **orang yang diinsuranskan, kemalangan** dan sebagainya. Perkataan berbentuk mufrad hendaklah termasuk bentuk jamak dan begitu juga sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina wanita.

Kemalangan

bermaksud kejadian tertentu yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa pada masa dan tempat boleh dikenal pasti yang hendaklah, tanpa bergantung pada apa-apa sebab lain, menjadi satu-satunya punca utama **kecederaan** badan.

Umur

bermaksud tahun semasa tolak tahun kelahiran. Sekiranya umurnya adalah sifar (0), umurnya adalah bilangan hari sejak lahir.

Borang Permohonan

bermaksud Borang Cadangan yang harus diisi oleh pencadang untuk permohonan insurans ini.

Aktiviti Kehidupan Harian (AKH) adalah seperti berikut:

- (i) **Pemindahan**
Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (ii) **Pergerakan**
Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (iii) **Perihal Mengawal**
Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri.
- (iv) **Pemakaian**
Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- (v) **Mandi / Membersihkan diri**
Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.
- (vi) **Makan**
Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

Tempoh Penilaian

bermaksud tempoh yang mana syarikat insurans akan menilai keadaan sebelum menentukan samada keadaan tersebut layak atau tidak dikira sebagai **kekal**. **Tempoh penilaian** adalah untuk jangka masa tempoh minimum yang dinyatakan dalam definisi yang berkaitan dan tidak akan lebih daripada dua belas (12) bulan (dengan syarat segala bukti yang diperlukan telah diserahkan).

Penyakit Kritikal/Penyakit

bermaksud **orang yang diinsuranskan** telah, sehingga penasihat perubatan **Syarikat** berpuas hati, didiagnosis menderita satu atau lebih dari penyakit berdasarkan Pilihan (seperti yang diuraikan di bawah) yang dipilih oleh **orang yang diinsuranskan** dan dinyatakan dalam **jadual/sijil insurans** dan masih hidup lebih dari empat belas (14) hari setelah diagnosis dibuat.

Pilihan 1: Kanser, Strok dan pembedahan otak tertentu, Serangan Jantung dan pembedahan jantung tertentu dan Kegagalan Buah Pinggang; atau

Pilihan 2: Kanser and Kegagalan Buah Pinggang.

Anak

bermaksud mana-mana orang yang telah mencapai umur lima belas (15) hari dan tidak berkahwin, bergantung kepada kewangan **Diri yang Diinsuranskan** dan berumur di bawah sembilan belas (19) tahun, atau sehingga umur dua puluh tiga (23) tahun bagi mereka yang mendaftar sebagai pelajar sepenuh masa di institusi pendidikan yang diiktiraf.

Hilang Upaya

- (a) bermaksud **sakit, wabak, penyakit** atau semua **kecederaan** yang timbul daripada satu atau beberapa sebab yang berterusan.
- (b) ketidakupayaan menyeluruh dan berterusan **anda** kerana **penyakit** atau **kecederaan** badan untuk melaksanakan tugas pekerjaan yang menguntungkan; dan
- (c) diperakui oleh **doktor** berkeelayakan yang sah.

Tarikh Matang

bermaksud tarikh bayaran premium tahunan yang berikutnya patut dibayar.

Ahli Keluarga

bermaksud pasangan sah **orang yang diinsuranskan**, anak biologi/angkat yang sah, ibu bapa, adik beradik yang tinggal di Malaysia.

Hospital

bermaksud hanya suatu penubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan dengan betul sebagai **hospital** untuk penjagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit yang membayar dan ditempatkan di atas katil, dan yang:

- (a) mempunyai kemudahan untuk menjalankan diagnosis dan pembedahan besar
- (b) menyediakan khidmat penjagaan 24 jam sehari oleh para jururawat yang berdaftar dan bertauliah,
- (c) di bawah pengawasan seorang **doktor**, dan
- (d) bukan secara dasarnya sebuah klinik, suatu tempat untuk para penagih alkohol atau dadah, sebuah rumah penjagaan, rehat atau pemulihan atau sebuah rumah bagi orang-orang tua atau penubuhan yang serupa dengannya.

Kecederaan

bermaksud **kecederaan** tubuh yang disebabkan secara tunggal oleh **kemalangan**.

Orang yang Diinsuranskan/Diri yang Diinsuranskan/Anda

bermaksud individu yang telah melengkapkan atau yang namanya disertakan dalam **borang permohonan** untuk **polisi** tersebut dan di mana semasa permulaan perlindungan telah disahkan secara bertulis oleh **Syarikat**.

Tidak Boleh Pulih

bermaksud tidak boleh dipulihkan dengan sewajarnya oleh rawatan perubatan dan/atau prosedur pembedahan yang konsisten dengan piawaian semasa perkhidmatan perubatan yang boleh didapati di Malaysia.

Perlu Dari Segi Perubatan

bermaksud perkhidmatan perubatan yang:

- (a) konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan lazim untuk **hilang upaya** yang dilindungi;
- (b) menurut standard amalan perubatan baik, konsisten dengan standard semasa penjagaan perubatan profesional, dan manfaat perubatan yang terbukti;
- (c) bukan untuk kegunaan **diri yang diinsuranskan** atau **doktor**, dan tidak dapat secara munasabah diberikan di luar hospital (jika dimasukkan sebagai pesakit dalam);
- (d) bukan untuk eksperimen, penyiasatan atau bersifat kaji selidik, bersifat pencegahan dan pemeriksaan; dan
- (e) cajnya adalah adil dan munasabah dan lazim untuk **hilang upaya** itu.

Tempoh Pemberitahuan

bermaksud tempoh tiga puluh (30) hari, selepas **orang yang diinsuranskan** didiagnosis sebagai mengalami **kesakitan** yang dilindungi oleh **polisi**, dalam tempoh yang mana tuntutan mesti diberitahu kepada **syarikat** jika mana-mana manfaat di bawah **polisi** menjadi boleh dibayar.

Kekal

bermaksud dijangka **orang yang diinsuranskan** bertahan sepanjang hayat.

Doktor

bermaksud pengamal perubatan yang berdaftar dengan betul dan berkelayakan oleh Pihak Berkuasa Perubatan yang kompeten di negara di mana rawatan diberikan, dan siapa yang memberikan rawatan tersebut berlatih dalam skop pelesenan dan latihannya di kawasan praktik geografi, tetapi tidak termasuk **doktor** yang merupakan **orang yang diinsuranskan** itu sendiri.

Tempoh Insurans

bermaksud tempoh satu (1) tahun termasuk tarikh mula kuat kuasa Insurans dan sebaik sahaja selepas tarikh itu, atau tempoh satu (1) tahun selepas **polisi pembaharuan** atau **polisi diperbaharui**.

Polisi

bermaksud kontrak insurans **anda** yang mengandungi pernyataan **polisi** ini, **jadual/sijil insurans** dan sebarang **pengendorsannya**.

Pemegang Polisi

bermaksud orang yang kepadanya **polisi** dikeluarkan bagi melindungi orang yang secara khusus dikenal pasti sebagai **orang yang diinsuranskan** dalam **polisi** ini.

Ulang Tahun Polisi

bermaksud satu tahun selepas tarikh berkuatkuasa **polisi** dan setiap tahun selepas itu. Tarikh ini ditunjukkan pada **polisi anda**.

Penyakit Sedia Ada

bermaksud hilang upaya yang diketahui sewajarnya oleh **orang yang diinsuranskan**. **Orang yang diinsuranskan** dianggap mengetahui sewajarnya keadaan sedia ada itu apabila:

- (a) **orang yang diinsuranskan** telah atau sedang menerima rawatan,
- (b) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan;
- (c) gejala yang jelas dan tepat dapat atau telah dilihat dengan nyata, atau
- (d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.

Polisi Pembaharuan atau Polisi Diperbaharui

bermaksud **polisi** yang telah dibaharui tanpa sebarang selang masa selepas tamat **polisi** sebelumnya dengan kandungan yang sama.

Sakit, Wabak atau Penyakit

bermaksud keadaan fizikal yang ditunjukkan dari segi patologi berbeza daripada keadaan kesihatan yang normal.

Jumlah Diinsuranskan/ Jumlah Yang Diinsuranskan

bermaksud jumlah yang ditunjukkan terhadap jumlah yang diinsuranskan dalam polisi dan/atau jadual/sijil insurans.

Tempoh Kekal Hidup

bermaksud tempoh empat belas (14) hari selepas diagnosis **penyakit kritikal** yang dilindungi bagi yang mana **orang yang diinsuranskan** mesti hidup sebelum tuntutan menjadi sah.

Jadual/Sijil Insurans

bermaksud butiran **anda** dan sebahagian elemen insurans yang diberi. **Jadual/sijil insurans** ini adalah sebahagian daripada **polisi**.

Negara Mastautin Yang Biasa

bermaksud Negara di mana **orang yang diinsuranskan** biasanya tinggal pada tarikh permulaan perlindungan di bawah **polisi** dan yang diisytiharkan di atas **borang permohonan**. Sebagai syarat terdahulu kepada liabiliti, **Syarikat** mesti diberitahu secara bertulis tentang apa-apa perubahan tetap di **negara mastautin yang biasa** yang diisytiharkan sebagai alamatnya di atas **borang permohonan**, yang akan dianggap sebagai **orang yang diinsuranskan** yang tinggal atau berniat untuk tinggal di Negara lain untuk suatu tempoh melebihi tiga (3) bulan berturut-turut. **Syarikat** mempunyai hak untuk terus melindungi atas terma dan syarat yang wajar ke atas negara mastautin yang baharu atau menolak daripada terus melindungi di bawah **polisi**.

Tempoh Tangguh

bermaksud tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan / pengembalian semula **polisi** di mana tuntutan yang timbul daripada sebab selain **kemalangan** adalah tidak dilindungi. Hal ini tidak terpakai selepas tahun pertama perlindungan. Walau bagaimanapun, jika insurans terhenti, maka **tempoh tangguh** akan terpakai sekali lagi.

Untuk **penyakit kritikal** Tahap Awal, **tempoh tangguh** adalah enam puluh (60) hari dari permulaan perlindungan.

Kami/Syarikat/MSIG

bermaksud MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.

Jadual Manfaat

Seksyen I - Manfaat Utama	Jumlah Diinsuranskan	
	Pelan P30 (RM)	Pelan P50 (RM)
Pilihan 1 - Manfaat Penyakit Kritikal		
1. Kanser	30,000	50,000
2. Strok dan pembedahan otak tertentu	Tahap Awal: 30%	Tahap Awal: 30%
3. Serangan Jantung dan pembedahan jantung tertentu	*Tahap Kritikal: 100%	*Tahap Kritikal: 100%
4. Kegagalan Buah Pinggang		
Option 2 - Critical Illness Benefit	30,000	50,000
1. Kanser	Tahap Awal: 30%	Tahap Awal: 30%
2. Kegagalan Buah Pinggang	*Tahap Kritikal: 100%	*Tahap Kritikal: 100%
Bonus Tiada Tuntutan	Kenaikan 10% setahun	

Seksyen II - Elaun	Pelan P30 (RM)	Pelan P50 (RM)
1. Elaun Pemulihan	1,500	3,000
2. Elaun Perubatan Tambahan	1,000	2,000
3. Elaun Perjalanan	200	300

Manfaat yang perlu dibayar di bawah Seksyen I - Manfaat Utama dikira sebagai peratusan **jumlah diinsuranskan** berdasarkan tahap **penyakit kritikal**.

*Sehingga 100% dari **jumlah diinsuranskan** akan dibayar semasa diagnosis tahap kritikal dengan syarat, tiada tuntutan untuk tahap awal yang telah dibayar. Sekiranya tuntutan untuk tahap awal telah dibayar, maka ia akan mengurangkan **jumlah diinsuranskan** untuk tahap kritikal.

Keterangan Manfaat

Seksyen I - Manfaat Utama

Manfaat Penyakit Kritikal

Syarikat akan membayar manfaat **penyakit kritikal** yang dikira sebagai peratusan **jumlah diinsuranskan** dengan syarat bahawa **orang yang diinsuranskan** dapat bertahan selama empat belas (14) hari selepas diagnosis **penyakit kritikal** yang dilindungi dengan:

- i) **Penyakit kritikal** tahap awal enam puluh (60) hari selepas tarikh kuatkuasa **polisi**; dan
- ii) **Penyakit kritikal** tahap kritikal tiga puluh (30) hari selepas tarikh kuatkuasa **polisi**.

Jumlah manfaat **penyakit kritikal** yang boleh dibayar adalah seperti yang dinyatakan dalam **jadual/sijil insurans**.

Manfaat **penyakit kritikal** tahap awal hanya dibayar sekali untuk setiap **penyakit kritikal** yang dilindungi sepanjang **polisi** ini. Sebarang tuntutan yang dibayar di bawah manfaat **penyakit kritikal** tahap awal akan mengurangkan **jumlah diinsuranskan** daripada manfaat ini.

Penyakit kritikal tahap kritikal akan dibayar pada 100% daripada **jumlah diinsuranskan** dengan syarat tiada tuntutan tahap awal yang telah dibayar oleh **Syarikat**.

Penyakit kritikal merujuk:

1. **Kanser (terpakai untuk Pilihan 1 dan 2 seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat)**

1- Tahap Awal

Sekiranya salah satu daripada keadaan kanser kecil berikut dipenuhi:

- i) Karsinoma-in-situ di tempat berikut: Payudara, rahim, ovari, tiub fallopio, vulva, vagina, serviks rahim, usus besar, rektum, zakar, testis, paru-paru, hati, pundi kencing, perut atau nasofarinks. Diagnosis Karsinoma-in-situ mesti dibuat secara positif dengan pemeriksaan mikroskopik tisu tetap.

Diagnosis klinikal atau klasifikasi Cervical Intraepithelial Neoplasia (CIN) yang melaporkan CIN I, CIN II, dan CIN III (displasia teruk tanpa karsinoma-in-situ) tidak memenuhi definisi yang diperlukan dan dikecualikan secara khusus. Sistem hempedu karsinoma-in-situ juga dikecualikan secara khusus.

- ii) Kanser Prostat yang dijelaskan secara histologi menggunakan Klasifikasi TNM sebagai T1N0M0 atau kanser Prostat yang dijelaskan menggunakan klasifikasi lain yang setara.
- iii) Kanser Tiroid yang dijelaskan secara histologi menggunakan Klasifikasi TNM sebagai T1N0M0 serta mikrokarsinoma Papilari tiroid yang berdiameter kurang dari 1sm.
- iv) Kanser Pundi Kencing yang dijelaskan secara histologi menggunakan Klasifikasi TNM sebagai T1N0M0 (termasuk Pundi Kencing Papilari micro-karsinoma).

Diagnosis kanser kecil di atas mesti dibuktikan berdasarkan bukti histologi dan disahkan oleh pakar dalam bidang yang berkaitan.

2- Tahap Kritikal

Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan pada tisu. Terma tumor malignan termasuk leukimia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- i) Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai mana-mana yang berikut:
 - a. pra-malignan
 - b. bukan invasif
 - c. karsinoma-in-situ
 - d. mempunyai malignan pinggir (borderline)
 - e. mempunyai potensi malignan
- ii) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- iii) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- iv) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM)
- v) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3
- vi) Semua kanser dengan kewujudan HIV
- vii) Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan

2. **Strok dan pembedahan otak tertentu (terpakai untuk Pilihan 1 (seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat) sahaja)**

1- Tahap Awal

- i) Menjalani pembedahan sebenar pembaikan aneurisma intrakranial melalui kraniotomi. Intervensi pembedahan mesti diperakui secara **perlu dari segi perubatan** oleh pakar neurologi. Pembaikan endovaskular atau prosedur adalah tidak dilindungi, atau
- ii) Menjalani pembedahan sebenar implantasi pintasan dari ventrikel otak untuk melegakan tekanan yang meningkat dalam cecair serebrospinal. Keperluan pintasan mesti diperakui secara **perlu dari segi perubatan** oleh pakar neurologi.

2- Tahap Kritikal

Kemalangan serebrovaskular atau kejadian yang menghasilkan sekuel neurologi yang bersifat **kekal**, telah berlangsung tidak kurang dari tiga (3) bulan. Infark jaringan otak disebabkan oleh bekalan darah yang tidak mencukupi, pendarahan di dalam tengkorak atau embolisasi dari sumber kranial tambahan mengakibatkan defisit neurologi **kekal** dengan gejala klinikal yang berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang pakar neurologi. **Tempoh penilaian** minimum selama tiga (3) bulan adalah diguna pakai.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Simptom-simptom serebral disebabkan oleh serangan iskemia sementara (TIA)
- (ii) Simptom-simptom serebral yang disebabkan oleh migrain
- (iii) **Kecederaan** traumatik pada tisu otak atau salur-salur darah
- (iv) Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optik atau fungsi -fungsi vestibular.

3. **Serangan Jantung dan pembedahan jantung tertentu (terpakai untuk Pilihan 1 seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat) sahaja)**

1- Tahap Awal

- i) Memasukkan alat pacu jantung **kekal** yang diperlukan akibat aritmia jantung yang serius yang tidak dapat dirawat dengan cara lain. Penyisipan alat pacu jantung mesti diperakui secara **perlu dari segi perubatan** oleh pakar kardiologi atau **doktor** atau
- ii) Menjalani perikardiotomi akibat penyakit perikardial atau menjalani sebarang prosedur pembedahan yang memerlukan pembedahan jantung lubang kunci. Kedua-dua prosedur pembedahan ini mesti diperakui secara **perlu dari segi perubatan** oleh pakar kardiologi atau **doktor**.

2- Tahap Kritikal

Kematian sebahagian otot jantung(miokardium), disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut:

Sejarah sakit dada tipikal yang berpanjangan;

- (i) Perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyonsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan
- (ii) Peningkatan petunjuk kardiium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi: Troponin T Kardiium > 1.0 ng/ml atau Troponin I Kardiium \geq 0.5 ng/ml

Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau **doktor**.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil.
- (ii) peningkatan petunjuk kardiium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari.

4. **Kegagalan Buah Pinggang (terpakai untuk Pilihan 1 dan 2 seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat)**

1- Tahap Awal

Pembedahan pembuangan buah pinggang yang lengkap yang disebabkan oleh sebarang **penyakit** atau **kemalangan**. Keperluan untuk pembedahan buah pinggang mesti diperakui secara **perlu dari segi perubatan** oleh ahli nefrologi.

Transplan buah pinggang adalah dikecualikan.

2- Tahap Kritikal

Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang menunjukkan kegagalan kronik pada kedua-dua buah

Pinggang yang **tidak boleh pulih**, akibatnya dialisis buah pinggang secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.

Bonus Tiada Tuntutan

Sekiranya tiada tuntutan dibuat pada Seksyen I dalam **polisi** ini, **kami** akan meningkatkan 10% setahun dari **jumlah awal diinsuranskan anda** untuk setiap tahun yang tiada tuntutan, sehingga lima (5) tahun. Tertakluk pada **polisi** yang berkuat kuasa untuk jangka waktu berterusan selama lima (5) tahun berturut-turut dan tidak ada tuntutan dibuat dalam setiap tahun dari jangka waktu lima (5) tahun tersebut.

Seksyen II - Elaun

1. **Elaun Pemulihan**

Bayaran sekaligus sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **polisi** untuk tujuan pemulihan **orang yang diinsuranskan** sekiranya **orang yang diinsuranskan** dimasukkan ke hospital akibat **penyakit kritikal** yang dilindungi untuk jangka masa melebihi lima (5) hari berturut-turut.

2. **Elaun Perubatan Tambahan**

Bayaran sekaligus sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **polisi** untuk membeli ubat pelengkap, ubat tambahan, vitamin atau herba pemakanan jika **orang yang diinsuranskan** dimasukkan ke hospital akibat **penyakit kritikal** yang dilindungi untuk jangka masa melebihi lima (5) hari berturut-turut.

3. **Elaun Perjalanan**

Bayaran sekaligus sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **polisi** untuk **ahli keluarga orang yang diinsuranskan** untuk menanggung perbelanjaan perjalanan ke dan dari **hospital** sekiranya **orang yang diinsuranskan** dimasukkan ke **hospital** akibat **penyakit kritikal** yang dilindungi.

Had Liabiliti

Setelah pembayaran 100% **jumlah diinsuranskan** daripada manfaat **penyakit kritikal** di bawah Seksyen I, manfaat tersebut akan terhenti serta-merta dan **polisi** tidak boleh diperbaharui.

Pembayaran Manfaat

- Bayaran mana-mana manfaat akan tertakluk kepada penerimaan bukti yang berkenaan oleh **Syarikat** yang mungkin secara munasabah dikehendaki olehnya mengenai:
 - berlakunya suatu kejadian yang mana-mana manfaat boleh dibayar atau kesinambungan keadaan yang mana-mana manfaat boleh dibayar;
 - hakmilik sah pihak menuntut;
 - tarikh lahir **orang yang diinsuranskan**;
 - borang tuntutan yang telah dilengkapkan dan
 - maklumat lain yang **Syarikat** mungkin menghendaki secara munasabah.
- Bayaran manfaat **penyakit kritikal** akan tertakluk kepada **orang yang diinsuranskan** dengan memberikan **Syarikat** semua maklumat dan bukti yang berkenaan sebagaimana dikehendaki oleh **Syarikat** dengan munasabah termasuk:
 - sijil perubatan dan bukti diagnosis **penyakit kritikal** pada selang masa yang berkenaan sebagaimana **Syarikat** boleh secara dikehendaki oleh **Syarikat** dengan munasabah, atas perbelanjaan **orang yang diinsuranskan** sendiri;
 - pemeriksaan perubatan dan/atau ujian atas **orang yang diinsuranskan** yang dijalankan atas perbelanjaan **Syarikat** pada selang masa yang berkenaan sebagaimana dikehendaki oleh **Syarikat** dengan munasabah oleh seorang **doktor** yang dilantik oleh **Syarikat**; dan
 - persetujuan bertulis untuk membenarkan **Syarikat** menerima hasil apa-apa pemeriksaan perubatan dan/atau ujian dan/atau sejarah atau rekod perubatan **orang yang diinsuranskan**.
- Semua sijil perubatan dan hasil pemeriksaan dan/atau ujian perubatan mesti diserahkan kepada **Syarikat** secara bertulis dan mesti diberikan oleh **doktor** dan beramal dalam **negara mastautin biasa orang yang diinsuranskan** atau negara lain yang berkenaan sebagaimana yang **Syarikat** benarkan.
- Jika **orang yang diinsuranskan** gagal untuk menjalani apa-apa pemeriksaan atau ujian atau untuk memberikan persetujuan bertulis kepada **Syarikat** bagi mendapatkan maklumat perubatan atau maklumat lain yang ia anggapkan perlu manfaat **penyakit kritikal** tidak akan dibayar dan tiada pengembalian bagi mana-mana premium yang telah dibayar.
- Pembayaran Manfaat untuk semua seksyen mengikut **jadual polisi** akan dibayar kepada **orang yang diinsuranskan**. Walau bagaimanapun, sekiranya sebelum pembayaran manfaat dibayar kepada **orang yang diinsuranskan**, **orang yang diinsuranskan** itu meninggal dunia, oleh itu, **kami** akan membayar manfaat kepada wakil peribadi sah **orang yang diinsuranskan** dengan syarat wakil peribadi sah tersebut mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat **polisi** ini.

Pengecualian Am

Perkara, syarat, aktiviti dan akibat-akibatnya yang berikut adalah dikecualikan daripada **polisi** dan **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab untuknya:

- Penyakit Sedia Ada.**
- Penyakit Kritikal** yang mula-mula didiagnoskan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan asal **polisi** untuk tahap kritikal dan enam puluh (60) hari untuk tahap awal kecuali apabila disebabkan oleh suatu **kemalangan** seperti yang ditafsirkan.
- Penyakit kritikal** jika **orang yang diinsuranskan** tidak dapat bertahan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari selepas diagnosis disahkan oleh **doktor**.
- Penyakit kritikal** yang timbul daripada anomali kongenital atau kecacatan termasuk keadaan keturunan, keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk keadaan keturunan.
- Mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti terbang selain daripada sebagai penumpang dalam pesawat komersial berlesen.
- Penyalahgunaan alkohol atau menghidu pelarut atau pengambilan dadah kecuali di bawah arahan **doktor**.
- Kegagalan tidak munasabah untuk mendapatkan atau mengikuti nasihat perubatan.
- Sukan atau kegiatan masa lapang yang berbahaya termasuk mengambil bahagian dalam (atau berlatih untuk) tinju, menjelajah gua, memanjat, berlumba kuda, jet ski, seni mempertahankan diri, memanjat gunung, ski dengan balapan salji keras, kembara dalam gua, perlumbaan bot kuasa besar, penyelaman bawah air, perlumbaan kapal layar atau apa-apa perlumbaan, percubaan atau sukan bermotor bermasa.
- Jangkitan dengan Virus Kekurangan Imun Manusia (HIV) atau masalah disebabkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) kecuali seperti yang diperuntukkan dalam manfaat "HIV akibat Pemindahan Darah" apabila manfaat sedemikian dimasukkan dalam **polisi**.

10. Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung dari jangkitan dari atau keadaan disebabkan oleh penyakit berjangkit yang memerlukan karantin oleh undang-undang.
11. Tinggal di luar **negara mastautin biasa** seperti yang ditafsirkan dalam **polisi** untuk lebih daripada tiga (3) bulan berturut-turut dalam mana-mana tempoh dua belas (12) bulan, kecuali perubahan tetap dalam **negara mastautin biasa** yang diberitahu dan diterima secara bertulis oleh **Syarikat**.
12. **Penyakit mental**, gangguan psikiatrik, mencederakan diri sendiri atau bunuh diri, penyakit jangkitan seksual.
13. Apa-apa perbuatan **orang yang diinsuranskan** yang melanggar undang-undang atau tidak sah.
14. Pengecualian Peperangan dan Keganasan:
 Insurans oleh **polisi** ini mengecualikan:
 kematian, hilang upaya, kerugian, kerosakan, kemusnahan, apa-apa liabiliti undang-undang, kos atau perbelanjaan termasuk kerugian berbangkit daripada apa-apa sifat, yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terhasil daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut tidak kira apa-apa sebab lain atau kejadian yang menyumbang serentak atau dalam apa-apa turutan kepada kerugian:
 - i) peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, pertempuran atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penderhakaan, revolusi, pemberontakan, kekacauan awam dengan andaian sebahagian daripada atau dimaksudkan oleh pemberontakan, ketenteraan atau rampasan kuasa; atau
 - ii) or mana-mana perbuatan keganasan termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan atau ancaman kekerasan, keganasan dan/atau memudaratkan atau merosakkan hayat atau harta (atau ancaman memudaratkan atau merosakkan) termasuk, tetapi tidak terhad kepada, radiasi nuklear dan/atau pencemaran oleh ejen kimia dan/atau agen-agen biological, oleh mana-mana orang (-orang) atau kumpulan (-kumpulan) orang, yang komited terhadap politik, agama atau ideologi atau tujuan yang serupa, dinyatakan atau sebaliknya, dan/atau untuk meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam dalam ketakutan; atau
 - iii) apa-apa tindakan yang diambil dalam mengawal, menghalang, menindas atau dalam apa-apa cara berkaitan dengan (i) atau (ii) di atas.

Jika dengan alasan pengecualian ini, apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan sebaliknya adalah terletak pada **anda**.
15. **Penyakit, kecederaan**, kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan daripada apa-apa sifat yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terhasil daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut tidak kira apa-apa sebab lain atau kejadian yang menyumbang serentak atau dalam apa-apa turutan kepada kerugian:
 - i) pengionan radiasi daripada atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada mana-mana sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuclear;
 - ii) bahan radioaktif, toksik, letupan atau bahan berbahaya atau pencemaran lain daripada apa-apa pembinaan nuklear, reactor atau apa-apa pemasangan nuklear atau komponen nuklear daripadanya; dan
 - iii) any weapon of war employing atomic or nuclear fission and/or other like reaction or radioactive force or matter. apa-apa senjata perang yang menggunakan pemisahan atom atau nuklear dan/atau gabungan atau reaksi seumpama yang lain atau kuasa atau bahan radioaktif
16. Pengecualian Politik:
 Insurans ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana satu daripada kejadian yang berikut, iaitu:
 - i) Pengambilalihan kekal atau sementara terhasil daripada rampasan atau tuntutan ke atas penyitaan pemiliknegara oleh mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan secara sah di sisi undang-undang; dan
 - ii) Pengambilalihan kekal atau sementara ke atas mana-mana bangunan terhasil daripada pendudukan yang menyalahi undang-undang sedemikian.

Syarat Am

Syarat-syarat yang terkandung dalam **polisi** atau dalam mana-mana **pengendorsan** adalah sebahagian daripada kontrak dan mestilah dipatuhi. Sifatnya membenarkan syarat tersebut menjadi syarat terdahulu kepada hak untuk menuntut terhadap **kami**.

1. Salah Nyata atau Ketinggalan Fakta Penting

Jika:

- a. sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang **anda** berikan, sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pertanyaan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau
- b. sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, **anda** gagal mendedahkan apa-apa fakta yang **anda** ketahui yang berkaitan dengan keputusan **kami** untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau
- c. apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut.

maka dalam mana-mana hal di atas, **polisi** ini adalah batal.

2. Perlindungan, Langkah Berjaga-jaga yang Munasabah dan Perubahan Material

Anda hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan wajar untuk mencegah dan mengurangkan sebarang **kemalangan, kecederaan** atau kematian dan **kami** mesti diberitahu dengan segera secara bertulis mengenai apa-apa maklumat penting atau perubahan dalam hal keadaan yang boleh meningkatkan kemungkinan kuantum bagi tuntutan di bawah **polisi** ini.

3. **Premium**

- a. Premium perlu dibayar pada **tarikh matang** yang ditunjukkan dalam **jadual/sijil insurans**. Premium awal perlu dibayar pada tarikh permulaan **polisi**. Premium selanjutnya akan dibayar pada tarikh yang sama pada tahun berikutnya seperti yang ditunjukkan dalam **jadual/sijil insurans**. "Premium" bermaksud premium awal dan seterusnya.
- b. Kadar premium tidak dijamin dan boleh dinaikkan atau diubah oleh **Syarikat** pada setiap tahun berdasarkan **orang yang diinsuranskan** memasuki jalur **umur** bagi kadar premium lebih tinggi atau berkenaan dengan perubahan material dalam risiko atau berkenaan dengan mana-mana peningkatan kadar am yang mempengaruhi semua **pemegang polisi** dan menggambarkan hasil sebenar atau jangkaan **Syarikat** dalam kelas perniagaan ini, ia hendaklah diberitahu secara bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh **ulang tahun polisi** oleh **Syarikat**.

4. **Permulaan dan Pembaharuan**

Tempoh Insurans adalah dinyatakan dalam **jadual/sijil insurans**. **Polisi** boleh diperbaharui selepas itu melalui persetujuan bersama. **Polisi** diaturkan berdasarkan kepada asas tahunan boleh dibaharui. Walau bagaimanapun, **pemegang polisi** yang telah menyerahkan bukti perubahan kebolehsuranaan sebelum permulaan **polisi** pertama kali tidak akan diminta untuk menyerahkan bukti selanjutnya tentang kebolehsuranaan pada **pembaharuan** seterusnya dengan syarat **polisi** telah tetap berkuat kuasa berterusan dengan premium dibayar penuh apabila patut dibayar sejak pertama kali ianya bermula. Kadar premium tidak terjamin dan akan diselaraskan oleh **Syarikat** secara berkala untuk semua **pemegang polisi** berdasarkan kepada asas pengalaman keseluruhan portfolio. Premium juga akan dinaikkan apabila **orang yang diinsuranskan** memasuki setiap jalur umur bagi kadar premium yang lebih tinggi. Jika seluruh produk **penyakit kritikal** ditarik balik oleh **Syarikat** disebabkan oleh pengalaman buruk atau apa-apa alasan lain, **pemegang polisi** yang terlibat akan ditawarkan penyertaan dalam mana-mana produk penggantian, jika ada, atas terma-terma, syarat-syarat dan kadar premium yang berkuat kuasa pada masa itu. Sekiranya tiada produk pengganti yang tersedia, **Syarikat** akan meneruskan semua polisi sehingga tamat tempoh perlindungan dalam portfolio. Pembatalan portfolio secara keseluruhannya hendaklah diberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari kepada **pemegang polisi** sebelum tarikh **ulang tahun polisi**.

Polisi ini boleh diperbaharui atas pilihan **Syarikat**. Permohonan pertukaran manfaat ke pelan yang lebih tinggi hanya boleh dibuat semasa **pembaharuan** dan tertakluk kepada penerimaan oleh **Syarikat** semasa **pembaharuan**.

5. **Kelayakan**

Negara mastautin biasa orang yang diinsuranskan mestilah di Malaysia. Tertakluk kepada had umur terendah lima belas (15) hari dan had umur tertinggi lima puluh sembilan (59) tahun pada penyertaan pertama. Tertakluk kepada **pembaharuan** tahunan seterusnya yang dikemukakan oleh **Syarikat** dan bayaran premium yang dikehendaki dalam tempoh waranti, **orang yang diinsuranskan** akan terus layak mendapat perlindungan sehingga dan termasuk umur tujuh puluh (70), selepas itu tamat pada **ulang tahun polisi** berikutnya.

6. **Pindaan**

Syarikat mempunyai hak untuk meminda terma dan peruntukan **polisi** ini dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari sebelumnya secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir **pemegang polisi** yang diketahui dalam rekod **Syarikat**, dan pindaan tersebut akan terpakai dari **pembaharuan polisi** berikutnya. Tiada pindaan pada **polisi** ini akan disahkan kecuali dibenarkan oleh **Syarikat** dan persetujuan tersebut disahkan di atasnya. **Syarikat** harus memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari sebelumnya kepada **pemegang polisi** mengikut alamat terakhir yang direkodkan untuk sebarang perubahan yang dilakukan.

7. **Pembatalan (terpakai untuk premium tahunan)**

Polisi ini boleh dibatalkan oleh **pemegang polisi** pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada **Syarikat**, dan dengan syarat bahawa tiada tuntutan dibuat dalam tahun **polisi** semasa, **pemegang polisi** adalah berhak kepada pengembalian premium seperti berikut:

<u>Tempoh Tidak Melebihi</u>	<u>Pengembalian Premium Tahunan</u>
15 hari *	- 90% (dikenakan kepada pembaharuan sahaja)
1 bulan	- 80%
2 bulan	- 70%
3 bulan	- 60%
4 bulan	- 50%
5 bulan	- 40%
6 bulan	- 30%
7 bulan	- 25%
8 bulan	- 20%
9 bulan	- 15%
10 bulan	- 10%
11 bulan	- 5%
Tempoh lebih 11 bulan	- Tiada pengembalian

*Terpakai untuk polisi pembaharuan sahaja

8. **Penerimaan Arahan**

Apa-apa arahan, permintaan atau notis tidak akan diterima oleh **Syarikat** sehingga dokumen, maklumat dan persetujuan tersebut sebagaimana yang **Syarikat** kehendaki diterima sewajarnya di alamat pejabat **Syarikat** yang dinyatakan dalam **polisi**.

9. **Tempoh Bertenang**

Jika **polisi** ini telah dikeluarkan dan untuk apa-apa jua sebab **orang yang diinsuranskan** membuat keputusan untuk tidak mengambil **polisi** ini, **orang yang diinsuranskan** boleh mengembalikan **polisi** ini kepada **Syarikat** untuk pembatalan dengan syarat permintaan untuk pembatalan tersebut dihantar oleh **orang yang diinsuranskan** kepada **Syarikat** dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh

pengeluaran **polisi**. **Orang yang diinsuranskan** berhak ke atas pemulangan premium penuh yang telah dibayar ditolak potongan perbelanjaan pentadbiran yang dibelanjakan oleh **Syarikat** dalam pengeluaran **polisi**.

10. **Tunai Sebelum Perlindungan**
Anda mesti membayar **premium** sebelum perlindungan di bawah **polisi** ini berkuat kuasa. Insurans ini tidak berkuat kuasa melainkan **premium** yang perlu dibayar telah dibayar.
11. **Fasal Had Sekatan dan Pengecualian**
Tiada penanggung insurans adalah disifatkan untuk menyediakan perlindungan dan tiada penanggung insurans bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah ini setakat mana peruntukan seperti perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan daripada manfaat ini yang akan mendedahkan syarikat insurans itu kepada apa-apa sekatan, larangan atau batasan di bawah resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi sekatan, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.
12. **Matawang Bayaran**
Semua bayaran di bawah **polisi** ini hendaklah dibuat dalam mata wang Malaysia yang sah. Sekiranya apa-apa bayaran yang diminta oleh **orang yang diinsuranskan** supaya dibayar dalam mata wang lain, maka jumlah tersebut hendaklah dibayar dalam mata wang yang diminta seperti yang boleh dibeli di Malaysia pada kadar pasaran mata wang semasa pada tarikh penyelesaian tuntutan. **Orang yang diinsuranskan** akan menanggung semua pentadbiran dan kos penukaran.

Syarat Tuntutan

1. **Syarat Terdahulu**
Bayaran tuntutan di bawah **polisi** ini adalah bergantung kepada pematuhan terma dan syaratnya oleh **anda**, dan setakat mana ia dikenakan, oleh **orang yang diinsuranskan** atau mana-mana pihak menuntut.
2. **Pemberitahuan tuntutan**
Tuntutan atau tuntutan yang berpotensi mestilah diberitahu kepada **Syarikat** dalam masa **tempoh pemberitahuan** yang ditakrifkan dalam **polisi**. Suatu borang tuntutan yang lengkap bersama dengan sokongan maklumat dan dokumen perubatan mestilah diserahkan kepada **Syarikat** dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari pemberitahuan pertama. Dalam kes kecemasan **kemalangan** atau perubahan akut yang menghalang **orang yang diinsuranskan** daripada mematuhi syarat ini, pemberitahuan bertulis bersama dengan sokongan maklumat perubatan mestilah diserahkan sewajarnya kepada **Syarikat** seberapa segera selepas itu.
3. **Bukti Tuntutan**
Dokumentasi dan resit asal bersama dengan borang tuntutan yang lengkap ditandatangani oleh **doktor** yang merawat mestilah dihantar kepada **Syarikat** dalam had masa yang ditakrifkan di atas **polisi** jika bayaran manfaat **penyakit kritikal** akan dibuat. Salinan dokumen yang difotokopi adalah tidak diterima. Jika atasimbangan fakta perubatan atau kemungkinan ianya wajar untuk **Syarikat** menolak suatu tuntutan di atas sebab pengecualian **penyakit sedia ada**, **orang yang diinsuranskan** mempunyai hak dan obligasi untuk mengemukakan bukti perubatan sedemikian sebagaimana **Syarikat** mungkin kehendaki sewajarnya supaya membolehkannya untuk mempertimbangkan semula suatu tuntutan di bawah **polisi**.
4. **Pemeriksaan**
Syarikat mempunyai hak dan peluang melalui wakil perubatannya untuk memeriksa **orang yang diinsuranskan** pada bila-bila masa dan sekerap yang ia mungkin kehendaki secara munasabah dalam tempoh masa mana-mana tuntutan. Sebagai tambahan, **Syarikat** mempunyai hak untuk menghendaki pemeriksaan post-mortem, yang tidak dihalang oleh undang-undang.
5. **Undang-undang yang terpakai untuk Polisi ini**
Undang-undang Malaysia akan terpakai untuk polisi ini.
6. **Timbangtara**
Semua perselisihan yang timbul daripada **polisi** ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbangtara yang akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak, atau jika mereka tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara, dan memerlukan keputusan dua orang Penimbangtara, seorang Penimbangtara akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dan dalam kes Penimbangtara-penimbangtara tersebut tidak bersetuju dengan keputusan seorang Wasit yang telah dilantik secara bertulis oleh Penimbangtara-penimbangtara sebelum membuat rujukan. Wasit tersebut hendaklah duduk bersama-sama dengan Penimbangtara-penimbangtara dan mengengerusikan mesyuarat-mesyuarat mereka dan pemberian suatu Award adalah sebagai syarat terdahulu bagi apa-apa hak untuk bertindak terhadap **kami**. Jika **kami** menolak tuntutan liabiliti kepada **anda** atau mana-mana penuntut lain untuk mana-mana tuntutan menurut dokumen ini dan tuntutan sedemikian tidak dirujuk kepada timbangtara di bawah peruntukan yang terkandung di dalam dokumen ini dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penolakan tuntutan tersebut, maka tuntutan tersebut adalah disifatkan telah ditinggalkan untuk semua tujuan dan tidak boleh dikembalikan menurut dokumen ini kemudiannya.

Prosedur Aduan

Kami percaya **anda** berhak untuk mendapat perkhidmatan yang berhemah, adil dan segera. Jika wujud sebarang keadaan yang menjadikan perkhidmatan **kami** tidak menepati jangkaan **anda**, sila hubungi **kami** menggunakan butir-butir hubungan di bawah dan memberikan Nombor **Polisi**/Nombor Tuntutan dan Nama **Orang yang Diinsuranskan**:

1. Pertama, dengan jabatan atau orang yang **anda** hubungi bila berurusan dengan **kami** untuk memaklumkan bagaimana **anda** mahu masalah diselesaikan.

2. Kedua, jika masalah tidak diselesaikan dengan cara yang memuaskan **anda**, maka **anda** boleh membuat aduan bertulis secara formal kepada Jabatan Khidmat Pelanggan **kami** di:

Talian Khidmat Pelanggan : 1 - 800 - 88 - MSIG (6744)
Faks : 03 - 2026 8086
E-mel : myMSIG@my.msig-asia.com
Laman web : www.msig.com.my
Alamat : Jabatan Khidmat Pelanggan
MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Level 15, Menara Hap Seng 2
Plaza Hap Seng
No. 1, Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur

3. Ketiga, jika **anda** tidak berpuas hati dengan keputusan **kami**, **anda** boleh merujuk perkara tersebut kepada OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (OPK) atau BANK NEGARA MALAYSIA menerusi BNMTELELINK atau BNMLINK:

a. **OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN (OPK)**

Tingkat 14, Blok Utama,
Menara Takaful Malaysia,
No.4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.

Telefon : 03 - 2272 2811
Faks : 03 - 2272 1577
E-mel : enquiry@ofs.org.my
Laman web : www.ofs.org.my

b. **LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (BNMLINK)**

(Walk-in Customer Service Centre)
Ground Floor, D Block,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

Telefon : 03 - 2698 8044
Extension : 8950/8958 (BNMLINK General Line)

c. **CONTACT CENTRE (BNMTELELINK)**

Jabatan LINK & Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia,
P.O.Box 10922,
50929 Kuala Lumpur.

Telefon : 1 - 300 - 88 - 5465 (1 - 300 - 88 - LINK)
Faks : 03 - 2174 1515
E-mel : bnmteletelink@bnm.gov.my

Perlindungan Data Peribadi

Dengan memberikan Data Peribadi **anda**, bermakna **anda** memberi kebenaran kepada **kami** untuk menggunakannya sebagaimana dihuraiikan di bawah:-

- Untuk memproses Data Peribadi **anda** dengan matlamat untuk melaksanakan Kontrak Insurans.
- Anda** membenarkan dan mengizinkan **kami** untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan **kami**, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - Penyelaras yang berdaftar,
 - Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan Kontrak Insurans,
 - Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,
 - ISM Insurance Services Malaysia Berhad.
- Untuk maklumat lanjut mengenai komitmen **MSIG** untuk melindungi Data Peribadi, senarai pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan perniagaan yang **kami** mungkin dedahkan Data Peribadi **anda**, sila rujuk kepada Notis Privasi **MSIG** di www.msig.com.my/privacy-notice/ atau mengimbas Kod QR di bawah:



Anda juga boleh meminta akses kepada atau membetulkan Data Peribadi **anda** dengan menghubungi Jabatan Khidmat Pelanggan **kami**. Maklumat tersebut hanya akan diberi selepas pengesahan. 'Data Peribadi' mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Fasal Cukai

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung **polisi** ini.

“PEMBERITAHUAN”

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan digunakan.”

Pemegang polisi/orang yang diinsuranskan hendaklah membaca **polisi** ini dengan berhati-hati, dan jika apa-apa kesilapan atau salah gambaran ditemui dalam perjanjian ini, atau jika perlindungan adalah tidak mengikut hasrat **pemegang polisi/orang yang diinsuranskan**, sila beritahu **Syarikat** dengan serta-merta dan kembalikan **polisi** tersebut untuk perhatian.